


Tutup dengan Selamat

Baca petikan dengan teliti. Kemudian, padankan jawapan dengan soalan yang diberikan.



Menulis

Tutup supaya Selamat



Hanif dan adiknya suka menunggang basikal di halaman rumah mereka. Pada suatu hari, Hanif telah terjatuh semasa menunggang basikal. Lutut Hanif terluka. Ayahnya, Encik Salim mendapati longkang itu perlu ditutup.

Encik Salim telah memasang penutup longkang. Penutup longkang itu diperbuat daripada bahan yang kukuh. Pemasangannya juga dilakukan dengan kemasnya. Beliau berharap agar kemalangan tersebut tidak berulang lagi. Kini, Hanif dan adiknya boleh menunggang basikal dengan selamatnya.



Selepas

Longkang yang tidak ditutup boleh menyebabkan kemalangan.

Punca Hanif terjatuh ialah basikalnya terlanggar longkang yang tidak ditutup.

Kita perlu memasang penutup longkang supaya tidak terjatuh di dalam longkang.

Ciri-ciri penutup longkang yang selamat adalah diperbuat daripada bahan yang kukuh dan pemasangannya kemas.

Nilai murni yang ditunjukkan oleh Encik Salim ialah prihatin dan penyayang.

1. Apakah bahayanya longkang yang tidak ditutup?

2. Mengapakah kita perlu memasang penutup longkang?

3. Bolehkah kamu jelaskan punca Hanif terjatuh?

4. Pada pendapat kamu, apakah ciri-ciri penutup longkang yang selamat?

5. Apakah nilai murni yang ditunjukkan oleh Encik Salim?
